

Tuduhan cabul hak asasi dikesali

UM 14 APR 2001

Oleh AMIR SARIFUDIN

KUALA SELANGOR 13 April - Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad kesal kerana pihak berkuasa yang menguat kuasa undang-undang untuk menjamin keselamatan negara dikesal oleh sesetengah pihak kononnya mencabul hak asasi manusia.

Menurut Perdana Menteri, ini dilakukan kerana ada pihak berpendapat mereka berhak melakukan kekerasan atas nama demokrasi dan keadilan untuk menggulingkan kerajaan.

"Pihak berkuasa terpaksa bertindak menggunakan undang-undang kerana ada orang yang cuba mencabul undang-undang itu," jelasnya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada majlis mesra rakyat bersama Perdana Menteri yang dihadiri oleh lebih 5,000 orang di Stadium Tertutup Kompleks Sukan Kuala Selangor di sini hari ini.

Kata Dr. Mahathir, kerajaan sedar ada pihak yang merancang untuk melakukan rusuhan dengan menggunakan bahan letupan dan lain-lain untuk menggulingkan kerajaan.

"Kita tahu mereka telah pergi ke negara jiran dan memberitahu kawan mereka di sana bahawa mereka juga ingin membuat seperti di negara jiran ini, (di mana) jelas sekali rusuhan dilakukan mereka yang tidak bertanggungjawab untuk menggulingkan kerajaan.

"Inilah hasrat mereka

yang kononnya menuntut keadilan atau menuntut demokrasi," katanya.

Di samping itu Dr. Mahathir berkata, negara ini mempunyai undang-undang sendiri dan semua pihak termasuk kerajaan sendiri perlu mematuhi-nya.

Beliau berkata, dengan pelaksanaan undang-undang, negara akan aman manakala rakyat dapat hidup tanpa merasa takut kepada mana-mana pihak.

"Undang-undang yang ada akan menghukum penjenayah tanpa mengira sama ada mereka pihak besar, rakyat atau orang miskin dan mereka akan dihadapi ke muka pengadilan.

E kstrem

"Undang-undang ini diadakan supaya ada ketertiban dalam negara dan jika tidak mematuhi-nya, hidup kita tidak sempurna. Ini akan menyebabkan ada orang cabul, bunuh dan rompak hak kita dan mereka ini akan buat apa sahaja," katanya.

Dr. Mahathir berkata, tindakan undang-undang oleh penguat kuasa telah dituduh sebagai mencabul hak asasi.

Beliau berkata, rakyat perlu ingat bahawa kadangkala penguat kuasa seperti polis terpaksa menggunakan sedikit kekerasan kerana tidak ada jalan lain bagi meredakan sesuatu keadaan yang dilakukan oleh pihak ekstrem.

"Kekerasan yang digunakan ini tidak mencabul hak asasi tetapi sebenarnya memberi perlindungan keselamatan kita.

"Polis juga selalu cuba selesaikan sesuatu masalah itu dengan baik tanpa terlebih dahulu menggunakan kekerasan," katanya.

Perdana Menteri seterusnya membidas pemimpin pembangkang seperti Datuk Fadzil Noor yang bercakap mengenai demokrasi tetapi sebaliknya membenarkan demonstrasi jalanan.

"Mereka benarkan orang merusuh, sebab itu mereka sebenarnya tidak faham erti sebenar demokrasi kerana tidak mahu tunggu lima tahun untuk pilihan raya yang membolehkan rakyat mengundi.

"Tetapi jangan sekat rakyat keluar mengundi. Jika rakyat tidak suka kerajaan, mereka boleh pilih kerajaan lain dalam pilihan raya," katanya.

Menurut Dr. Mahathir lagi, kerjasama yang ditunjukkan oleh para pentadbir serta swasta kepada kerajaan selama ini telah membawa keamanan kepada negara ini.

Beliau berkata, ia juga menyebabkan negara dapat dibangunkan dengan pesat dan ini sekali gus memberi nikmat serta keuntungan kepada rakyat, pihak swasta dan kerajaan sendiri.

"Apabila negara ini aman tanpa rusuhan, orang ramai dapat menjalankan urusan dan perniagaan mereka dengan lancar."

Perdana Menteri memberitahu, keuntungan yang diperoleh oleh pihak swasta pula akan disalurkan kepada kerajaan dalam bentuk cukai yang kemudian digunakan untuk

pembangunan rakyat dan negara.

Menurutnya, ini termasuk membayar gaji para pentadbir dan menyediakan pelbagai kemudahan infrastruktur untuk orang ramai.

"Tanpa kerjasama tersebut, mustahil kerajaan dapat membangunkan negara ini serta menyediakan infrastruktur dan membayar gaji pekerja," katanya.

Tambah Dr. Mahathir, justeru kakitangan kerajaan harus menjalankan tanggungjawab yang diberi oleh kerajaan secara profesional dan tidak membenarkan perasaan menghalang dasar-dasar kerajaan.

"Apabila kerajaan buat sesuatu dasar dan ini dilaksanakan secara ikhlas, ia dapat membangunkan negara ini dengan pesat," katanya.

Turut hadir di majlis itu ialah isteri beliau, Datin Seri Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali, Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Dr. Mohamad Khir Toyo, Menteri Penerangan, Tan Sri Khalil Yaakob, Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Dr. Ling Liong Sik, Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Selangor, Tan Sri Muhammad Muhd. Taib dan anggota-anggota Exco Kerajaan Negeri.

Dr. Mahathir sebelum itu mengadakan perjumpaan tertutup dengan UMNO Bahagian Kuala Selangor dan Selayang di bangunan UMNO Bahagian Kuala Selangor di sini.